

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[TENOM - BN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 44)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelaksanaan yang telah dirancang bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara dengan sasaran untuk pasukan remaja Malaysia layak bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja 17 tahun pada 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pembangunan Bolasepak Negara pada tahun 2010 untuk memberi lebih tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan bolasepak di peringkat akar umbi terutamanya pada peringkat umur 7 ke 12 tahun. Sasaran pertama yang ditetapkan oleh program ini pada ketika itu ialah untuk layak ke Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019. Pemain-pemain yang dilatih untuk Skuad Projek 2019 ini telah dipilih dari 14 Pusat-pusat Kecemerlangan Mykids yang ditubuhkan disetiap negeri yang berfungsi melatih pemain-pemain berpotensi dari umur 7 ke 12 tahun. Umur sebahagian besar pemain-pemain Projek 2019 akan mencecah 12 tahun pada tahun ini.
  
2. Namun begitu, pada tahun lepas, Jawatankuasa Pembangunan Bolasepak Negara telah mengumumkan tentang perlunya satu pelan strategik jangka panjang bagi memperkasa dan memberi nafas baharu kepada program pembangunan bolasepak sedia ada. Negara Jepun contohnya, telah berjaya mengangkat martabat bolasepak mereka dengan program tersusun yang mengambil masa sekurang-kurangnya 50 tahun.

3. Hasil daripada kajian terperinci dan timbal balas yang telah diberikan oleh berbagai pihak yang terlibat di dalam industri bolasepak negara, kementerian akan melancarkan Pelan Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) dalam masa yang terdekat ini. Pelan ini akan menggariskan satu perancangan holistik yang ditumpukan kepada pembangunan bolasepak secara tersusun dari peringkat umur 7 ke 17 tahun. Pelan ini juga akan disandarkan kepada 5 teras strategik iaitu; DNA atau Falsafah Bolasepak Negara, Kejurulatihan, Kemudahan, Pertandingan dan Pencarian Bakat
4. Kelayakan ke Kejohanan Piala Dunia bawah 17 pada tahun 2019 masih dikekalkan sebagai ‘milestone’ pertama kepada PPBN. Skuad Projek 2019 kini berada dibawah kendalian Pengarah Projek PPBN sendiri iaitu bekas pemain kebangsaan En. Lim Teong Kim yang telah dibawa balik dari Bayern Munich. Pemain-pemain ini juga akan menjadi kumpulan elit pertama yang akan ditempatkan di Akademi Bolasepak Negara di Gambang, Pahang pada tahun hadapan.
5. Namun perlu ditegaskan bahawasanya Pelan Pembangunan Bolasepak Negara akan berpandangan lebih jauh dan akan melalui fasa pertama bermula dari tahun 2014 ke 2020 dan seterusnya fasa pengukuhan ekosistem dari tahun 2021 ke 2030

Sekian, terima kasih.